Nama : _____ Tarikh : _____

Baca petikan dan jawab soalan pemahaman di bawah.

## Pantai Yang Indah.

Pada hari minggu yang lepas, Ah Lau, Rajan dan saya pergi ke pantai. Pantainya cantik dan landai. Suasana di pantai sungguh damai. Pokok ru hijau melambai.

Di tepi pantai banyak gerai. Ada gerai kuih-muih, ada juga gerai buah. Ah Lau beli buah limau. Saya membeli buah pauh. Rajan pula mimun air tembikai kerana haus.

Selepas ke gerai, kami bermain wau. Jauh di laut ada pulau. Kata orang tua, di pulau itu ada gua. Di dalam gua ada harimau. Tiada siapa mahu ke sana, kata Ah Lau.

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Siapa pergi ke pantai? | Selepas ke gerai, mereka bermain wau. |
| 2. | Rajan minum air apa? | Di dalam gua ada harimau. |
| 3. | Di tepi pantai ada gerai apa? | Ah Lau, Rajan dan saya pergi ke pantai. |
| 4. | Selepas ke gerai mereka bermain apa? | Rajan minum air tembikai |
| 5. | Apa yang ada di dalam gua? | Di tepi pantai ada gerai kuih-muih dan buah-buahan. |

LIVEWORKSHEETS